


**KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA
ARAS 10, KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,
NO. 3, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,
62596 PUTRAJAYA**



Tel : 03-8882 2101
Fax : 03-8889 5901
e-mail : ibrahim@customs.gov.my

Ruj. Kami : KE.HP(91)002/1 klt 9 (38)
Tarikh : 17 Jun 2009

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

Y.Bhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN PENIPUAN MENGGUNAKAN NAMA KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan kepada Y.Bhg Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, semenjak kebelakangan ini Cawangan Komunikasi Awam, Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia telah banyak menerima aduan dan pertanyaan dari orang awam mahupun melalui kenyataan akhbar berhubung dengan penipuan yang menggunakan nama Kastam Diraja Malaysia (KDRM) oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Modus operandi yang amat ketara ialah melalui penipuan dengan menggunakan nama Ketua Pengarah Kastam, penyamaran sebagai pegawai kastam, penggunaan logo dan kad kuasa KDRM dan akhir-akhir ini penipuan di dalam Internet dengan mengaitkan penglibatan KDRM.

3. Untuk pengetahuan Y.Bhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, walaupun hebahan telah dibuat melalui akhbar oleh Ketua Pengarah Kastam dan melalui Laman Web Jabatan serta jawapan kepada pengadu ataupun yang bertanya telah diberikan, namun aktiviti negatif ini masih giat dijalankan dan ramai orang awam yang masih tertipu lagi.

4. Sehubungan dengan itu, jabatan ini memohon jasa baik Y.Bhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan agar dapat menguar-uarkan pemakluman ini dan

mengingatkan wakil-wakil tuan/ agen-agen syarikat di bawah pengurusan Y.Bhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan mengenai perkara ini.


5. Sebarang pertanyaan bolehlah dimajukan terus dengan pegawai- pegawai di Cawangan Komunikasi Awam, Ibu Pejabat KDRM seperti berikut:

- | | | |
|-----|--|--------------|
| 5.1 | Tuan Hamzah Ahamad
Penolong Kanan Pengarah Kastam
E-mel : <u>hamzah@customs.gov.my</u> | 03-8882 2277 |
| 5.2 | Cik Sumithra a/p Raman Nair
Pegawai Kastam
E-mel : <u>sumithra@customs.gov.my</u> | 03-8882 4803 |
| 5.3 | Pn. Farah Fatihah Jamaludin
Pegawai Kastam
E-mel : <u>farah@customs.gov.my</u> | 03-8882 2929 |

6. Kerjasama Y.Bhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan amatlah saya hargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(DATO' HAJI IBRAHIM BIN HAJI JAAPAR)
Ketua Pengarah Kastam
Malaysia